


**BERITA ONLINE**  
**BERITA RTM**  
**TARIKH : 30 NOVEMBER 2022**



I-Nation 2022, beri pengetahuan mengenai kesan inovasi teknologi

November 29, 2022 Written by Media Baharu Published in Semasa



**KUALA LUMPUR, 29 November** - Isu keterangkuman ekonomi, rantaian bekalan, perubahan iklim, sekuriti makanan dan penjagaan kesihatan menjadi tunjang Persidangan I-Nation 2022.

Ia bertujuan memberi pengetahuan tentang bagaimana inovasi teknologi memberi kesan terhadap ekonomi pada masa akan datang.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Aminuddin Hassim berkata Malaysia mempunyai peluang membangunkan keupayaan digital yang baharu bagi membina daya tahan dalam pelbagai situasi.

"MOSTI sedang berusaha ke arah menjadikan Malaysia Negara Berteknologi Tinggi melalui Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE). Kami mahu Malaysia menerajui teknologi dan inovasi termaju untuk meningkatkan daya saing global

negara kita.

Kami percaya bahawa dengan mengukuhkan dasar dan peraturan akan memakmurkan pembangunan teknologi negara," kata Aminuddin kepada pemberita RTM hari ini di ibu negara.

Sidang yang berlangsung selama dua hari ini telah disertai hampir 1,000 orang dalam kalangan penyelidik, ahli akademik, ahli industri teknologi dan agensi berkaitan.



(Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Aminuddin Hassim/Foto FB MOSTI)